



---

**KOLEJ YAYASAN PELAJARAN JOHOR  
PEPERIKSAAN AKHIR**

---

**NAMA KURSUS : AMALAN IKHTISAS 2**  
**KOD KURSUS : DSB3183**  
**PEPERIKSAAN : OKTOBER 2018**  
**MASA : 2 JAM**

---

**ARAHAN KEPADA CALON**

1. Kertas soalan ini mengandungi **TIGA (3)** bahagian:  
BAHAGIAN A (20 Markah)  
BAHAGIAN B (60 Markah)  
BAHAGIAN C (20 Markah)
2. Calon tidak dibenarkan membawa masuk sebarang peralatan ke dalam bilik peperiksaan kecuali dengan kebenaran pengawas peperiksaan.
3. Sila pastikan bahan-bahan berikut diperolehi untuk sesi peperiksaan ini:
  - i. Kertas Soalan
  - ii. Buku Jawapan

---

**JANGAN BUKA KERTAS SOALAN INI SEHINGGA DIBERITAHU**

*KERTAS SOALAN INI MENGANDUNGI 5 HALAMAN BERCETAK TERMASUK MUKA HADAPAN*

---



**BAHAGIAN A**

Bahagian ini mengandungi **empat (4)** soalan. Sila jawab **semua** soalan di dalam Buku Jawapan.

**SOALAN 1**

Senaraikan **lima (5)** elemen susun atur di tapak bina.

[5 MARKAH]

**SOALAN 2**

Berikan definisi istilah-istilah berikut:

- i. Sijil Penyiapan Praktikal (*'Certificate of Practical Completion-CPC'*)  
[2 MARKAH]
- ii. Tempoh Tanggung Kecacatan (*'Defects Liability Period- DLP'*)  
[2 MARKAH]
- iii. Sijil Tak Siap Kerja (*'Non-Practical Completion- NPC'*)  
[2 MARKAH]

**SOALAN 3**

Senaraikan **lima (5)** kerja yang dilakukan oleh Subkontraktor Dinamakan.

[5 MARKAH]

**SOALAN 4**

Senaraikan **empat (4)** sumber rujukan kepada Juruukur Bahan berkaitan dengan bahan dan mutu kerja.

[4 MARKAH]

[20 MARKAH]

**BAHAGIAN B**

Bahagian ini mengandungi **empat (4)** soalan.

Sila jawab **tiga (3)** soalan sahaja di dalam Buku Jawapan.

**SOALAN 1**

- a) Berikan definisi Kontraktor.

[2 MARKAH]

- b) Terangkan antara **empat (4)** tanggungjawab Kontraktor kepada pekerjanya.

[8 MARKAH]

- c) Terangkan antara **lima (5)** tanggungjawab Kontraktor kepada Konsultan.

[10 MARKAH]

**SOALAN 2**

- a) Senaraikan **empat (4)** jenis Kontrak Binaan yang selalu digunakan di Malaysia.

[4 MARKAH]

- b) Terangkan **tiga (3)** daripada kesemua jenis Kontrak Binaan yang disenaraikan di atas.

[6 MARKAH]

- c) Terangkan **lima (5)** kepentingan Dokumen Kontrak bagi sesuatu projek pembinaan.

[10 MARKAH]

**SOALAN 3**

a) Berikan definisi OSHA.

[2 MARKAH]

b) Terangkan antara **empat (4)** tujuan OSHA diwujudkan.

[8 MARKAH]

c) Terangkan antara **lima (5)** kewajipan am majikan (Kontraktor) berkaitan dengan faktor keselamatan di tapak bina.

[10 MARKAH]

**SOALAN 4**

a) Terangkan antara **lima (5)** tugas Kerani Tapak.

[10 MARKAH]

b) Terangkan antara **lima (5)** faktor yang mempengaruhi Lanjutan Masa Kerja bagi sesuatu projek pembinaan.

[10 MARKAH]

[60 MARKAH]

**BAHAGIAN C**

Bahagian ini mengandungi **satu (1)** soalan.

Sila jawab **semua** soalan di dalam Buku Jawapan.

**SOALAN 1**

- a) Perubahan kerja merupakan sesuatu yang berubah dari kontrak asal. Walaupun perubahan kerja ini dibenarkan, namun ia perlu dikawal kerana perubahan yang berlaku boleh mengganggu perancangan kerja serta kos dan masa. Berdasarkan situasi di atas, senaraikan **lima (5)** sebab berlakunya sesuatu perubahan kerja.

**[5 MARKAH]**

- b) Sebagai seorang Arkitek yang ditugaskan untuk mengendalikan sesuatu projek, apakah tindakan yang akan anda lakukan sekiranya menghadapi pelbagai perubahan permintaan klien dari segi perubahan pintu kayu kepada pintu kaca dan permintaan untuk pertambahan satu ruang tidur?

**[15 MARKAH]**

**[20 MARKAH]**

**KERTAS SOALAN TAMAT**